

# 25 kakitangan UMS-KAL hadiri bengkel latihan laman web

HB 05/10/2011 B4

SERAMAI 25 kakitangan telah menghadiri bengkel latihan laman web Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di Hotel Grand Dorsett, Labuan.

Bengkel dari jam 8 pagi hingga 5 petang itu yang dikendalikan Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI) telah dirasmikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Turut hadir Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Matersah dan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan BPKI, Suprianto Mohd Noor.



**BENGKEL...**Suprianto (dudukkanan) dan Norhafizah Sulaiman (dudukkiri) mengendalikan bengkel latihan laman web kepada peserta.



Peserta yang menghadiri bengkel itu merupakan pengendali laman web 12 pejabat bahagian dan dua sekolah iaitu Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Dalam ucapannya, Shariff berkata laman web UMS-KAL akan dikemaskini

**(Gambar kiri)**  
**PELANTIKAN...**Dr Shariff (tiga kiri) menyerahtakan surat pelantikan kepada Samsulbahri dari SPKAL diperhatikan Musnin (kiri), Suprianto (dua kanan) dan Norhafizah Sulaiman (dua kiri).

dari masa ke semasa bagi mencerminkan imej sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, laman web perlu menyediakan pelbagai maklumat untuk kemudahan pelanggan utama iaitu pelajar, ibu bapa, masyarakat setempat selain pegawai, pensyarah dan kakitangan.

"Laman web perlu mengandungi pengisian bahan terkini supaya pelanggan mengetahui maklumat mengenai UMS-KAL," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengharapkan cadangan yang membina daripada pelajar, pensyarah dan kakitangan untuk menambahbaik laman web demi kepentingan UMS Labuan amnya.

Pada masa sama, Shariff berkata laman web merupakan wadah terbaik untuk memberikan informasi terkini kepada masyarakat setempat sekaligus dapat menyumbangkan sesuatu yang mampu membangun dan memajukan penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau juga mahu warga UMS-KAL menggunakan laman web dengan sebaik mungkin untuk mendapatkan maklumat dan ilmu pengetahuan dari masa ke semasa.